



MALAYSIA


Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY



Jil. 35
No. 21

17hb Oktober 1991

TAMBAHAN No. 77
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 364.

AKTA AUDIT 1957

PERINTAH AUDIT (PINDAAN JADUAL PERTAMA) 1991

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 11 Akta Audit 1957, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut: Akta 62.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Audit (Pindaan Jadual Pertama) 1991** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991. Nama dan mula berkuatkuasa.

2. Jadual Pertama Akta Audit 1957 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "tiga ratus dua puluh" yang terdapat dalam subperenggan (1) dan (2) perenggan 1 dengan perkataan-perkataan "lima ratus lapan puluh enam". Pindaan Jadual Pertama.

Diperbuat pada 24hb September 1991.
[PM. (R) 10332 Jld. VI; PN. (PU²) 350.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,
Setiausaha Jemaah Menteri

AUDIT ACT 1957

AUDIT (AMENDMENT OF FIRST SCHEDULE) ORDER 1991

Act 62. IN exercise of the powers conferred by section 11 of the Audit Act 1957, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement. 1. This Order may be cited as the **Audit (Amendment of First Schedule) Order 1991** and shall be deemed to have come into force on the 1st January 1991.

Amendment of First Schedule. 2. The First Schedule to the Audit Act 1957 is amended by substituting for the words "three hundred and twenty" appearing in subparagraphs (1) and (2) of paragraph 1 the words "five hundred and eighty six".

Made the 24th September 1991.
[PM. (R) 10332 Jld. VI; PN. (PU)² 350.]

By Command,

TAN SRI DATO' SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID,
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 365.

AKTA SURUHANJAYA PILIHANRAYA 1957

PERATURAN-PERATURAN SURUHANJAYA PILIHANRAYA
(PINDAAN JADUAL) 1991

Akta 31. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 12 Akta Suruhanjaya Pilihanraya 1957, Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa. 1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan Jadual) 1991** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada tarikh-tarikh yang dinyatakan di dalam subperenggan (2) dan (3).

(2) Perenggan 2 (a) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1991.

(3) Perenggan 2 (b) dan (c) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Mac 1991.